

Beza IT dan sains komputer

APAKAH perbezaan antara teknologi maklumat dengan sains komputer?

- SAAD, Gemas.

Terma yang diguna pakai sama ada teknologi maklumat (IT) atau sains komputer adalah merujuk kepada hal ehwal berkaitan perkara pengkomputeran.

Sebelum itu, ada juga terma yang diguna pakai menunjukkan kepada hal ehwal berkaitan perkara pengkomputeran seperti komputer, pemprosesan data, multimedia dan sebagainya.

Diskusi ICT



Bersama FIRKHAN
sembangict@yahoo.com

Namun begitu, antara terma pengkomputeran yang lahir pada peringkat awal daripada dunia akademik adalah sains komputer tetapi kebanyakannya industri pengkomersialan tidak menggunakan terma sains komputer tetapi memadai sebagai jabatan atau unit komputer. Setelah itu, industri

juga ada menggunakan terma Data Pemprosesan Elektronik (EPD) dan yang seumpamanya yang merujuk kepada unit atau jabatan komputer.

Kemudian, pada era tahun 1990-an, terma multimedia pula popular digunakan bagi menunjukkan kepada hal ehwal berkaitan perkara pengkomputeran. Malaysia ketika itu bawah pimpinan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menubuhkan satu inisiatif inovasi pengkomputeran negara iaitu *Multimedia Super Corridor* atau MSC yang dikendalikan oleh satu agensi kerajaan, MDC (Multimedia Development

Corporation). MDC kini dikenali sebagai MDEC (Malaysia Digital Economy Corporation). Multimedia menunjukkan kepada hal ehwal berkaitan perkara pengkomputeran yang terdiri pelbagai jenis media di Internet seperti animasi, video dan sebagainya. Kini, komponen multimedia ini lebih dikenali sebagai kandungan kreatif.

Terma IT bagi hal ehwal berkaitan perkara pengkomputeran popular digunakan pada akhir tahun 1990-an dan awal tahun 2000-an. Namun begitu, sehingga ke hari ini, kebanyakan

dunia pengkomersialan dan industri menggunakan pakai terma IT tersebut. Kadangkala dikenali juga sebagai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Walaupun pelbagai terma digunakan untuk hal ehwal berkaitan perkara pengkomputeran merentasi masa dan zaman, terdapat perbezaan antara terma-terma yang diguna pakai seperti antara terma teknologi maklumat dan sains komputer.

Sebab itu terdapat institusi pengajian tinggi menggabungkan kedua-dua terma ini untuk diguna pakai sebagai nama jabatan atau

fakulti yang berkaitan dengan pengkomputeran.

Sains komputer lebih menumpukan kepada hal ehwal perkara asas, teori, pengiraan, binaan dalaman dan pembangunan sesuatu hal pengkomputeran atau komputer seperti sistem pengoperasian dan seni bina komputer.

Bidang IT pula lebih memfokuskan kepada penggunaan, penyelenggaraan dan aplikasi kepada sains komputer atau sesuatu hal pengkomputeran dalam pelbagai bidang dan industri seperti sistem maklumat, rangkaian dan keselamatan.